

# Profesor Tan Tai Yong presiden baru Kolej Yale-NUS

AHLI sejarah, Profesor Tan Tai Yong, dilantik sebagai presiden baru Kolej Yale-NUS, demikian diumumkan kolej itu semalam.

Profesor Tan, 56 tahun, yang kini Naib Presiden Eksekutif (Hal Ehwal Akademik) kolej itu akan mengambil alih jawatan tersebut pada 1 Julai.

Beliau akan mengambil alih jawatan itu daripada Profesor Pericles Lewis, yang telah menerajui kolej seni liberal itu – hasil kerjasama antara Universiti Yale dengan Universiti Nasional Singapura (NUS) – sejak penubuhannya pada 2011.

Lembaga pentadbir Yale-NUS bertemu di sini dan sebulat suara memilih Profesor Tan selepas “pencarian global meluas” yang mengambil masa tujuh bulan dan melibatkan 80



**PROFESOR TAN TAI YONG:**  
Ambil alih jawatan pada 1 Julai.

hingga 100 calon.

Presiden NUS, Encik Tan Chorh Chuan, daripada Jawatankuasa Mencari Presiden, menyifatkan Profesor Tan sebagai “pemimpin akademik yang sangat berkesan” dan sangat komited dalam pendidikan seni liberal.

Beliau menambah: “Selain itu, hubungan antarabangsa dan serantau beliau yang luas akan terus memajukan usaha kolej mengemas kini konsep pendidikan seni liberal dan sains di Asia dan rantau di luarnya.”

Seorang bekas calon Anggota Parlimen Dilantik (NMP), Profesor Tan, yang berkelulusan ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang sejarah daripada Universiti Cambridge, dilantik sebagai Naib Presiden Eksekutif Kolej Yale-NUS pada 2014 dan menyelia aspek akademik dan kokurikulum.

Sebelum itu beliau pengarah Institut Pengajian Asia Selatan NUS dan pernah berkhidmat sebagai Dekan Fakulti Sastera dan Sains Kemasyarakatan dari Januari 2004 hingga Disember 2009.